

**Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) - Penulisan Wasiat 2023**

Dikemas kini pada 29 Jun 2023

**TEMPOH PROMOSI**

Terma dan syarat promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (“**TIA-i**”) ini oleh Hong Leong Islamic Bank hendaklah dibaca bersama-sama Terma & Syarat TIA-i dan sebarang terma dan syarat berkaitan yang lain seperti ditetapkan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma dan syarat berkaitan yang lain sepertimana peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa setelah diberi notis terlebih dahulu.

**Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) - Penulisan Wasiat 2023 (Promosi)** bermula pada 1 Julai 2023 dan berakhir pada 31 Julai 2023, termasuk kedua-dua tarikh, atau sebaik sahaja mencapai sasaran promosi yang ditetapkan, mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaiknya

**TERMA & SYARAT (“T&S”):**

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:

**KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada individu dan pemilik tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama untuk Akaun Semasa atau Akaun Simpanan-i HLISB (“**CASA-i**”) / Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”)(“**CASA**”). Pelabur mestilah mendaftar untuk kemudahan HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang akaun bersama CASA-i / CASA tidak dibenarkan membuka/mengendalikan TIA-i dan menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanyalah untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang memperbaharui pelaburan yang sedia ada semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi kecuali pelabur menebus pelaburan tersebut dan membuat langganan baharu.
4. Bagi melayakkan diri menyertai Promosi B (rujuk Klausa 8), Pelabur dikehendaki mendaftar untuk Perkhidmatan Penulisan Wasiat melalui HLB Connect dengan harga RM350.

### **Kadar Indikatif Promosi bagi TIA-i & Langganan**

5. Pelabur yang telah melanggani TIA-i dengan amaun antara Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000) semasa Tempoh Promosi berhak menikmati Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:-

**Jadual 1**

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Kongsi Untung (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Indikatif Promosi	Amaun Langganan Minimum dalam TIA-i	Amaun Langganan Maksimum dalam TIA-i
1/7/2023 - 31/7/2023	3 bulan	85:15	3.80% setahun*	RM2,000	RM5,000,000
	6 bulan	85:15	3.95% setahun*	RM2,000	RM5,000,000
	12 bulan	85:15	3.80% setahun*	RM2,000	RM5,000,000

\* Jika terdapat perubahan OPR (Kadar Dasar Semalam) daripada Bank Negara Malaysia, maka kadar keuntungan indikatif bagi langganan baharu (selepas perubahan OPR itu) mungkin diubah.

### **Kaedah Promosi**

6. Kadar Indikatif Promosi disediakan bagi semua tempoh pelaburan. Pada tarikh matang, amaun letakan akan diperbaharui secara automatik pada kadar niaga indikatif semasa masing-masing atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i yang dipilih, berdasarkan pilihan yang dibuat oleh Pelanggan semasa membuat letakan. Langganan TIA-i hanya boleh dilakukan melalui HLB Connect. Pelabur yang tidak mempunyai sebarang CASA-i/CASA dikehendaki membuka CASA-i/CASA sebelum melanggani TIA-i.
7. Sebarang langganan Perkhidmatan Penulisan Wasiat (setelah membuat bayaran penuh) akan dikira sebagai satu penyertaan dalam promosi.
8. Tawaran bagi kempen adalah seperti berikut:

Promosi	Kaedah	Ganjaran
<b>Promo A (langganan TIA-i)</b>	500 Pelabur pertama yang melanggani TIA-i dengan langganan minimum <b>RM10,000 (terpakai bagi semua tempoh pelaburan)</b> akan layak menerima hadiah atas dasar siapa cepat dia dapat	PIN e-Tambah Nilai RM50 TNG

<b>Promo B (Langganan TIA-i &amp; Perkhidmatan Penulisan Wasiat)</b>	30 Pelabur pertama yang melanggani TIA-i dengan langganan minimum <b>RM10,000 (terpakai bagi semua jangka pelaburan)</b> dan mendaftar untuk Perkhidmatan Penulisan Wasiat akan berhak menerima hadiah atas dasar siapa cepat dia dapat	PIN e-Tambah Nilai RM100 TNG
<b>Promo C (Penyertaan Peraduan)</b>	Semua pelabur yang berhak menerima hadiah penyertaan (Promo B) akan menerima 1 penyertaan peraduan	iPhone 14

9. Pelabur yang layak menerima mana-mana ganjaran yang tersebut di atas (“**Pelabur Layak**”) akan diberitahu melalui SMS. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian ganjaran akan dilakukan atas dasar siapa cepat dia dapat dan dihadkan kepada satu (1) ganjaran bagi setiap Pelabur tanpa mengira bilangan langganan yang dibuat sepanjang Tempoh Promosi.
10. Para pemenang Promo A dan Promo B bertanggungjawab menebus sendiri Ganjaran tersebut secara langsung menerusi TNG App dalam tempoh sah PIN TNG tersebut.
11. Ganjaran yang tidak digunakan atau ditebus selepas tempoh sah akan luput dan tidak akan diganti.
12. Penggunaan Ganjaran adalah tertakluk pada Terma dan Syarat TNG dan Pelabur bertanggungjawab membaca dan memahami dasar privasi serta terma dan syarat TNG.
13. **Pemilihan Pemenang dan Penyampaian Hadiah Promo C**  
Pelabur yang memilih menyertai Promo B akan dipilih secara rawak setelah berakhirnya Promosi (“**Pelabur Tersaring**”).
14. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelabur akan berpeluang memenangi satu (1) Hadiah Peraduan (“**Hadiah**”) sahaja. Hadiah dan bilangan Pelabur berjaya adalah seperti yang tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

<b>Hadiah</b>	<b>Bil. pemenang</b>
iPhone 14	3

15. Pelabur Tersaring akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) oleh penyedia perkhidmatan SMS yang dilantik HLISB, iaitu XOX Technology Berhad 199901007872 (482772-D), atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelabur Tersaring seperti terdapat dalam rekod HLISB.
16. Tiga (3) Pelabur Tersaring pertama yang memberikan jawapan yang betul dalam masa yang terpantas akan dianggap pemenang (“**Pemenang**”).
17. Pelabur Tersaring bertanggungjawab atas kos SMS yang ditanggung kerana menyertai Peraduan ini.

18. HLISB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran atau penerimaan sebarang SMS kepada atau daripada mana-mana penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelabur Tersaring terlepas atau tertinggal daripada menyertai Peraduan ini.
19. Pengumuman Pemenang dan penyerahan Hadiah dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Pengumuman Pemenang	Penyampaian Hadiah
Dalam masa 90 hari perniagaan setelah berakhirnya Tempoh Promosi	Hadiah akan diserahkan kepada cawangan yang terdekat mengikut pilihan Pelanggan

20. Pemenang akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, SMS atau melalui apa-apa cara lain yang Bank anggap wajar ("Pemberitahuan Pemenang") atas dasar usaha terbaik berpandukan nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pemenang seperti terdapat dalam rekod HLISB.
21. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau manfaat barang lain.
22. Pelabur Layak adalah bertanggungjawab dan mesti menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

### Umum

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:-
  - (a) menerima T&S di dalam ini;
  - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat; dan
  - (c) mengakses laman web HLISB di [www.hlisb.com.my/TIA-i](http://www.hlisb.com.my/TIA-i) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada T&S.
24. HLISB berhak:-
  - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau menukar T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian setelah memberi notis terlebih dahulu. Bank akan menyiarkan T&S yang dikemaskini dalam laman web Bank atau dengan apa-apa cara yang Bank anggap sesuai; dan
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi kerana tidak mematuhi T&S di dalam ini yang HLISB anggap wajar.
25. Semua T&S lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus terpakai melainkan dinyatakan sebaliknya dalam T&S.
26. T&S tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

27. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Pelabur hendaklah merujuk pada T&S ini setakat yang berkaitan dengan Promosi ini.
28. T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&S di dalam ini dengan Terma dan Syarat TIA-i, maka Pelabur hendaklah merujuk T&S ini yang hanya terpakai bagi Promosi ini.
29. Terma dan Syarat TIA-i yang terpakai bagi Promosi ini boleh disemak di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my).
30. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang termasuk tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Jika anda mempunyai sebarang kemosykilan mengenai T&S, sila hantar emel kepada kami di alamat [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)**

**Produk ini (i) bukanlah deposit bank dan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia; dan (ii) tertakluk kepada risiko pelaburan termasuk keberangkalian hilang amaun pokok yang dilabur. Prestasi masa lalu tidak menjadi petunjuk tentang keputusan masa depan, harga/jumlah pelaburan adalah terdedah kepada risiko pasaran yang mungkin meningkat atau menurun.**